

01/02/1997

Umno Kelantan guna Islam nadi reformasi

KOTA BHARU, Jumaat - Umno Kelantan akan memperkenalkan gerakan reformasi (dalaman bagi memulih dan memantap arah perjuangannya menghadapi suasana perjuangan yang kian mencabar.

Reformasi itu juga bertujuan mendekatkan lagi hubungan rakyat dengan pemimpin menerusi pengukuhan kesatuan ummah selaras anjuran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Umno menjalankan program reformasi budaya.

Pengerusi Biro Dakwah Agama negeri, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata program reformasi itu mesti bermula dari sekarang bagi mengukuhkan saf perjuangan Umno menempuh cabaran dan membawa seluruh rakyat Kelantan ke arah kemajuan sesuai tuntutan Islam.

"Rakyat Kelantan tidak menolak pembangunan tetapi ia mestilah disesuaikan dengan kehendak ajaran Islam.

"Langkah reformasi atau islah ini adalah selaras ucapan Dr Mahathir di Perhimpunan Agung Umno Oktober lalu yang mahu ahli Umno di semua peringkat menjalankan gerakan reformasi budaya bagi menjamin kesinambungan perjuangan," katanya kepada Berita Harian, di sini, hari ini.

Difahamkan kertas kerja mengenai reformasi itu sudah disediakan untuk diserahkan kepada Presiden Umno tidak lama lagi. Ia antara lain bertujuan mengemaskini perjuangan parti itu menghadapi Kerajaan Pas Kelantan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Zainal Abidin yang juga Ahli Dewan Undangan kawasan Melor, berkata menerusi usaha reformasi itu pemimpin Umno harus berdamping rapat dengan institusi masjid dan surau sebagai tempat penting dalam menjalin hubungan lebih rapat dengan rakyat setempat.

"Sekurang-kurangnya pemimpin tidak harus dilihat bersikap liar terhadap masjid," katanya.

Menurutnya, sikap mudah mesra untuk berdamping dengan rakyat adalah amat yang amat sesuai dalam konteks masyarakat dan budaya politik Kelantan.

(END)